

DATE: BH / 07 / 2007

PM beri amanat kepada 300 Adun

BH - 7/8/2007

Oleh Shamsul Kamal Amarudin

IPOH: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menyampaikan amanat penting kepada kira-kira 300 Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Barisan Nasional (BN) yang menyertai perhimpunan tiga hari Kelab Ahli Dewan Undangan (Adun) SeMalaysia di Kuantan, Pahang, esok.

Pengerusinya, Datuk Nadzri Ismail, berkata Perdana Menteri akan menyertai sesi dialog bersama semua ahli kelab pada sebelah petang sebelum merasmikan perhimpunan tahunan bertemakan 'Memperkasakan

Ahli BBC - Memenuhi Aspirasi Rakyat' pada sebelah malamnya.

"Kami akan berpeluang mendengar amanat dan nasihat Perdana Menteri terutama dalam usaha meningkatkan kualiti kerja, perkhidmatan kepada rakyat serta usaha berterusan membangunkan negara selaras dengan aspirasi rakyat," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam.

Nadzri yang juga Adun Manjoi, berkata perhimpunan itu bermula hari ini dengan majlis perasmian diadakan Rabu, manakala pada hari terakhir iaitu Khamis diadakan majlis gotong-royong perdana yang turut disertai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Katanya, semua Adun BN juga menyertai kira-kira 1,500 penduduk Kampung Sungai Isap, Kuantan, membersihkan parit dan longkang di kawasan berkenaan yang pernah dilanda banjir kilat sebelum ini.

Beliau berkata, beberapa resolusi akan turut dibincangkan dan dijangka diluluskan pada perhimpunan itu sebelum diserahkan untuk perhatian Perdana Menteri.

Kelab Adun SeMalaysia yang menggabungkan kelab Adun semua negeri ditubuhkan dua tahun lalu untuk membolehkan Adun BN bertukar pandangan dan berbincang khususnya program pembangunan di kawasan masing-masing.

FAKTA NOMBOR

Perhimpunan Kelab Adun

3

Hari bersidang

1,500

Sertai gotong royong